

PROJEK KITAR SEMULA DAN PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR

DURIAN TUNGGAL, 3 Januari 2020 – Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus menyemarakkan program berimpak tinggi yang melibatkan rangkaian global dan seterusnya memberikan kesan positif kepada aspek kelestarian pembangunan negeri dan negara. Selari dengan berkembangannya itu, UTeM menerima kunjung hormat dan lawatan kerja dari Japan International Cooperation Agency (JICA), Kyushu, Jepun, bagi membincangkan pengisian corak kerjasama strategik mereka dengan UTeM.

Lawatan dari Jepun ke UTeM diketuai oleh Profesor Shirai Yoshihito daripada Kyushu Institute of Technology

(Kitakyushu) bersama-sama wakil dari Malaysia, Ahmad Suhaib Mohd Ali, manakala pihak UTeM diketuai oleh Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim dan pihak Pejabat Kelestarian dan Alam Sekitar (PKA) UTeM di kampus induk UTeM, Durian Tunggal, Melaka.

Dr. Raha Abdul Rahim berkata, kerjasama strategik ini berkaitan dengan program yang memberikan kesan yang baik dalam konteks pemuliharaan alam sekitar dan kitar semula khususnya di Melaka dan negara kita amnya.

Menurutnya lagi, projek pelaksanaan Grass Root Program Grant ini akan melibatkan proses



Penerangan berkenaan Grass Root Program Grant yang diberikan oleh Profesor Shirai Yoshihito (dua dari kanan).

pengajaran terus pada peringkat akar umbi lagi, iaitu yang melibatkan golongan pelajar sekolah rendah di negeri ini tentang kitar semula dan pada masa yang sama, dapat merealisasikan aspirasi Melaka berhubung dengan pemuliharaan alam sekitar.

Sehingga kini, geran untuk Grass Root Program telah diagihkan kepada 141 buah negara di seluruh dunia negara, sekali gus memberikan manfaat kepada populasi yang terlibat dalam menjayakannya.

Yang turut hadir dalam perbincangan tersebut ialah Penolong Naib Canselor, Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti UTeM, Profesor Madya Mohd Rahimi Yusoff, serta Pengarah PKA UTeM Profesor Madya Juhari Ab Razak.



Profesor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim menyerahkan cenderamata penghargaan kepada Profesor Shirai Yoshihito.